



**PROGRAM PEMANTAPAN PRESTASI TINGKATAN 5
TAHUN 2017
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH-SEKOLAH MALAYSIA (KEDAH)**

**MODUL 1
PERDAGANGAN
KERTAS 2
(3755/2)**

Dua jam

JANGAN BUKA MODUL INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Modul 2 ini mengandungi dua bahagian. **Bahagian A dan Bahagian B.**
2. Jawab tiga soalan daripada Bahagian A dan **satu soalan wajib** di Bahagian B.
3. Anda dinasihati supaya mengambil masa **80 minit** untuk menjawab soalan dalam Bahagian A dan **40 minit** untuk menjawab soalan Bahagian B.
4. Markah yang diperuntukan bagi setiap soalan atau ceraiian soalan ditunjukkan dalam kurungan.
5. Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.
6. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.
7. Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.


Modul ini mengandungi 10 halaman bercetak.

Bahagian A

[75 markah]


Jawab **tiga** soalan sahaja.

- 1 (a) Gambar 1 menunjukkan dua jenis barang dalam kehidupan Pak Mat, seorang pesara.



Gambar 1

- (i) Kenal pasti **barang X** dan **barang Y**. [2 markah]
- (ii) Barang manakah yang anda perlukan untuk meneruskan kehidupan? Kemukakan alasan anda. [3 markah]
- (b) Gambar 2 menunjukkan pengeluaran perabot oleh sebuah kilang perabot.



Gambar 2

Terangkan penciptaan nilai faedah yang berlaku.

[6 markah]

- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan dua individu yang terlibat dalam perniagaan.


Encik Ahmad	Encik Amin
Menjual pelbagai jenis barang kepada pengguna untuk meraih keuntungan yang banyak.	Menghasilkan dan mengubahsuai barang sedia ada kepada barang yang lebih berfaedah kepada pengguna

- (i) Siapakah Encik Ahmad dan Encik Amin? [2 markah]
- (ii) Nyatakan perbezaan antara Encik Ahmad dan Encik Amin. [4 markah]
- (d) Bagaimanakah perkhidmatan yang disediakan oleh CIMB Bank Berhad dan Etiqa Takaful Insurans saling membantu dalam melicinkan urusan perniagaan mereka? [8 markah]
- 2 (a) Gambar 3 adalah sejenis kenderaan.



Gambar 3

- (i) Tentukan jenis saluran agihan yang sesuai untuk memasarkan kenderaan tersebut. [1 markah]
- (ii) Jelaskan faktor yang perlu dipertimbangkan oleh pengeluar dalam pemilihan saluran agihan di 2(a)(i). [3 markah]
- (b) Gambar 4 merupakan satu bentuk lain peruncitan.



Gambar 4

Mengapakah bentuk peruncitan ini semakin popular dalam kalangan pengguna pada masa kini?

[4 markah]

- (c) Rajah 1 menunjukkan satu dokumen perniagaan.

INVOIS				
Syarikat Cahaya Elektrik, A1/4, Jalan Dagang 1, Sungai Petani, Kedah			5 September 2016 No Serahan 111 No. Invois 1028 No. Pesanan 088	
Kedai Peralatan Elektrik Sinar, 45, Lorong Merpati, Baling, Kedah				
No. Rujukan	Butir	Kuantiti	Harga/Unit (RM)	Jumlah (RM)
Lampu B1	Jenama Mentari	50 dozen	25.00	1250.00
Lampu A-13	Jenama Pelangi	20 dozen	30.00	600.00
Tolak diskaun niaga 20%				X
JUMLAH				Y
Syarat : Angkutan dibayar 5%, 10 hari 2% 30 hari				
K&K diK				
SENG HUAT Pengurus				

Rajah 1

- (i) Jelaskan fungsi dokumen di atas.

[2 markah]

- (ii) Hitungkan jumlah bayaran yang perlu dijelaskan sekiranya Kedai Peralatan Elektrik Sinar membayar pada 14 September 2016. [4 markah]

- (d) Gambar 5 ialah sejenis produk yang dijual oleh syarikat telekomunikasi.



Gambar 5

- (i) Kenal pasti kaedah jualan tersebut. [1 markah]
- (ii) Jelaskan kelebihan kaedah jualan di 2(d)(i) kepada peniaga. [3 markah]

- (e) Situasi berikut berkaitan dengan perniagaan antarabangsa.

Puan Laili adalah pengusaha belacan di Tanjung Dawai, Kedah. Beliau telah menerima tempahan daripada Encik Suharto seorang pengimport dari Jakarta, Indonesia yang memesan 300 dozen belacan gred A dan 400 dozen belacan gred B.

- (i) Tentukan dokumen yang diterima oleh Puan Laili. Beri alasan anda. [3 markah]
- (ii) Jelaskan prosedur eksport yang perlu dipatuhi oleh Puan Laili untuk menghantar belacan melalui kapal. [4 markah]

- 3 (a) Nyatakan dua kegiatan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) berdasarkan jenis keluaran. [2 markah]

- (b) Jelaskan perkaitan antara Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dengan Industri Berat dalam perkara berikut:

- (i) Pemasaran bersepadu [3 markah]
- (ii) Subkontrak [3 markah]

- (c) Perbualan berikut berkaitan jenis pemilikan perniagaan.

Haji Rahim	: Kamal, saya dan Ali berminat untuk menyertai perniagaan yang kamu sedang jalankan. Kami boleh sumbangkan sejumlah modal yang diperlukan. Perniagaan akan lebih mudah dikembangkan.
Kamal	: Minta maafalah Haji, saya kurang berminat untuk mengembangkan perniagaan buat masa ini.

Jelaskan kelebihan yang diperolehi Kamal dengan keputusannya itu.

[5 markah]

- (d) Maklumat berikut berkaitan jenis saham.

Puan Sumathi baru mengeluarkan wang simpanan KWSP berjumlah RM 100,000. Beliau sedang memikirkan sama ada ingin membeli syer biasa atau syer keutamaan. Puan Sumathi tidak berhasrat untuk mempunyai hak mengundi semasa Mesyuarat Agung Tahunan syarikat.
--

- (i) Cadangkan syer yang sesuai dibeli oleh Puan Sumathi.

[1 markah]

- (ii) Nyatakan kelebihan syer yang dibeli di 3(d)(i).

[5 markah]

- (e) Terangkan **tiga** prinsip Syariah yang diamalkan dalam Sistem Perbankan Islam.

[6 markah]

- 4 (a) Bagaimanakah insurans dapat membantu aktiviti perniagaan?

[4 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan Puan Hamidah yang membeli polisi insurans.

1 Januari 2016	Membeli polisi insurans kebakaran dengan Syarikat Takaful Malaysia ke atas premis miliknya di Lot 2, Alor Setar Mall, Kedah. Beliau telah mengisi borang cadangan dengan memberikan maklumat yang benar tentang ciri keselamatan dan lokasi premis.
15 Mei 2016	Menerima sijil polisi insurans bernombor 3334440 dan menyimpannya di rumah.
28 Disember 2016	Premisnya terbakar. Laporan bomba menyatakan ia berpunca daripada litar pintas. Beliau membuat laporan polis dengan segera.
29 Disember 2016	Beliau akan ke pejabat Takaful untuk urusan tuntutan ganti rugi.

Huraikan **dua** prinsip insurans yang telah dipenuhi oleh Puan Hamidah.

[6 markah]

- (c) Encik Hassan ialah seorang pengeksport dari Sabah. Beliau ingin menghantar 1000 tan metrik papan lapis ke Jepun.
Pada pendapat anda, apakah jenis pengangkutan yang sesuai digunakan oleh Encik Hassan?
Beri alasan anda. [6 markah]
- (d) Kenal pasti perkhidmatan Pos Malaysia Berhad yang sesuai digunakan dan berikan alasan bagi setiap perkhidmatan yang dipilih oleh pihak berikut :
- (i) Bank Mesra Berhad menyerahkan tugas percetakan dan penghantaran penyata bulanan pelanggannya kepada Pos Malaysia Berhad. [3 markah]
- (ii) Syarikat Ceria Kopi menerima banyak borang penyertaan setelah melancarkan pertandingan mencipta logo peringkat kebangsaan. [3 markah]
- (iii) Puan Mariam yang berada di Sabah mengirimi wang saku sebanyak RM1000 kepada anaknya yang belajar di Arau, Perlis. [3 markah]

- 5 (a) Maklumat berikut berkenaan sejenis gudang.

“ Menjadi tanggungjawab BERNAS untuk menyimpan dan menyelenggara satu bekalan padi dan beras yang cukup (Stok Simpanan Beras Negara) di samping memastikan harga beras berpatutan dan stabil “

- Kuala Lumpur, 2 Mei 2016, BERNAMA

- (i) Apakah jenis gudang tersebut? [1 markah]
- (ii) Jelaskan peranan gudang seperti dinyatakan di 5(a)(i). [4 markah]
- (b) Maklumat berikut berkaitan sejenis pengiklanan.

**HARI KOKURIKULUM SMK MESRA KAJANG
AKAN DIADAKAN PADA :
TARIKH : 20 MAC 2017
MASA : 8.00 PAGI – 5.00 PETANG
TEMPAT : DI PERKARANGAN SEKOLAH**

- (i) Terangkan jenis pengiklanan tersebut. [2 markah]

- (ii) Murid tingkatan 5 Melor ingin membuka gerai jualan pada hari tersebut. Cadangkan **tiga** media pengiklanan yang sesuai digunakan untuk memberitahu produk mereka akan dipasarkan dalam masa dua hari lagi di situ. [6 markah]
- (c) Terangkan agensi kerajaan yang membantu pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dalam bidang latihan dan pengurusan. [6 markah]
- (d) Gambar 6 menunjukkan penyediaan perkhidmatan oleh Majlis Daerah Tempatan.



Gambar 6

Penyediaan perkhidmatan di atas merupakan salah satu hak pengguna. Apakah hak tersebut? Jelaskan.

[6 markah]

Bahagian B
[25 markah]

Soalan ini wajib dijawab

- 6 Syarikat Ram Segar Sdn. Bhd. merupakan pengeluar sos dan kicap berjenama Mables yang dipasarkan ke seluruh negeri Kedah, Perlis dan Pulau Pinang. Syarikat ini terletak di Alor Setar, Kedah mempunyai 50 orang pekerja tetap terdiri daripada penduduk tempatan serta 10 orang pekerja kontrak warga asing dari negara Indonesia dan Bangladesh. Semua pekerja tetap dibayar gaji terus ke akaun bank masing-masing manakala pekerja kontrak secara tunai.

Syarikat memiliki 2 buah lori yang dibeli sejak 8 tahun lalu. Minggu lepas, sebuah lori syarikat telah mengalami kerosakan teruk akibat terbabas dan melanggar sebuah motosikal ketika menghantar bekalan stok ke Pulau Pinang. Pemandu lori hanya mengalami kecederaan ringan namun pihak syarikat perlu menanggung semua kos kerosakan lori kerana polisi insuransnya hanya membayar gantirugi kepada mangsa jalanraya.

Peningkatan permintaan yang tinggi terhadap keluaran mereka menyebabkan syarikat perlu melakukan kerja penghantaran stok lebih kerap ke pasaran dan skala pengeluaran di kilang perlu ditambah. Kerja-kerja tersebut memerlukan tambahan 3 buah lori dan 4 unit mesin memproses serta mengadun soya serta cili. Syarikat bercadang membeli lori dan mesin terpakai. Namun terdapat cadangan untuk menggunakan aset daripada syarikat pajakan.



3 buah unit dan 4 unit mesin memproses yang diperlukan

Jadual menunjukkan pilihan untuk mendapatkan jentera tersebut :

Pilihan	Pilihan 1	Pilihan 2
---------	-----------	-----------

Butir	Syarikat Pajakan	Beli Lori dan Mesin Terpakai
Kos untuk 1 unit lori	RM 1 000 sebulan	RM 90 000
Kos untuk 1 unit mesin memproses dan mengadun	RM 400 sebulan	RM 30 000
Tempoh bayaran	5 tahun	Sekali gus
Jaminan	Ada	Tiada

Bahagian pengurusan perlu merancang perbelanjaan agar tidak menghadapi masalah kewangan bagi memastikan proses pengeluaran dan agihan keluaran berjalan lancar.

Baru-baru ini, syarikat telah diserbu penguatkuasa imigresen Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang membuat operasi ke atas majikan yang menggaji pekerja asing. Hasil pemeriksaan didapati kesemua pekerja asingnya tiada permit kerja yang sah. Tempat tinggal pekerja asing di belakang kilang juga sangat kotor. Mereka ditempatkan di dalam sebuah stor yang sempit dan tiada kemudahan asas. Berikutan itu, syarikat telah didenda bayaran kompaun atas kesalahan menggaji pekerja asing tanpa izin (PATI) dan diarahkan membayar levi segera serta memberi teguran kerana menyediakan tempat tinggal yang tidak selamat kepada pekerja.

Berdasarkan situasi di atas, jawab soalan berikut :

- (a) Tentukan jenis perniagaan antarabangsa yang dilibatkan oleh Syarikat Ram Segar Sdn.Bhd.
Beri alasan anda. [3 markah]
- (b) Jelaskan perkhidmatan bank yang digunakan oleh Syarikat Ram Segar Sdn. Bhd. untuk membayar gaji pekerja tetap. [4 markah]
- (c) Mengapakah Syarikat Ram Segar Sdn. Bhd. terpaksa menanggung sepenuhnya kos pembaikan lori? [5 markah]
- (d) Kenal pasti pilihan manakah yang terbaik kepada Syarikat Ram Segar Sdn. Bhd. untuk mendapatkan lori dan mesin tersebut?
Kemukakan alasan anda. [6 markah]
- (e) Tindakan penguatkuasa imigresen KDN mendenda Syarikat Ram Segar Sdn. Bhd. adalah wajar.
Beri alasan anda. [4 markah]
- (f) Cadangkan aspek lain pengurusan sumber yang perlu dititikberatkan Syarikat Ram Segar Sdn. Bhd. [3 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT